

**BEBAN TUGAS GURU TINGKATAN
DI SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH TUARAN**

**SITI MARDZIAH BINTI ABDULLAH
@ NURITA UGING**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2006



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : Beban Tugas Guru Tingkatan Di Sekolah Menengah Di Daerah Tuaran


IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : Januari 2004-Jun 2006

Saya, SITI MARDZIAH BINTI ABDULLAH @ NURITA UGING mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat seperti berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara intitusi pengajian tinggi
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh




(Penulis : SITI MARDZIAH BINTI ABDULLAH @ NURITA UGING)

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:
Taman Inanam Laut Lorong 4,
No: 36, 88450 Kota Kinabalu.
Sabah.

Tarikh : 14 Julai 2006



(PROF. MADYA DR. SALLEH ABD. RASHID)

Tarikh: _____
Prof. Madya Dr. Salleh Abd. Rashid
Timbalan Dekan (Akad & HEP)
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Doktor dan Falsafah dan Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kursus dan penyelidikan, atau laporan Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

**TAJUK DESERTASI:
BEBAN TUGAS GURU TINGKATAN DI SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH TUARAN**

**SITI MARDZIAH BINTI ABDULLAH
@ NURITA UGING**

**Desertasi ini dikemukakan kepada Pusat Pengajian Pasca Siswazah,
Universiti Malaysia Sabah bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-
syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Dalam Bidang Pengurusan
Pendidikan.**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan
rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.**



.....
**SITI MARDZIAH BINTI ABDULLAH
@ NURITA UGING
PS03-006(K)-130
21 Julai 2006**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah jelaskan sumbernya.

SITI MARDZIAH BINTI ABDULLAH@NURITA UGING
PS03-006(K)-130
2 Mei 2006



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Salleh Abd. Rashid kerana banyak membimbing dan memberikan bantuan dalam usaha untuk menjayakan penulisan ini. Tidak lupa diucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Vincent Pang dan Dr. Sabariah Sharif sebagai penyelaras program Pasca Sarjana atas bantuan terhadap pembentukan soal selidik dan statistik. Selain itu, diucapkan terima kasih kepada PPD Daerah Tuaran dan guru-guru di Sekolah Menengah Daerah Tuaran kerana telah memberi kerjasama sehingga kajian ini selesai. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada keluarga dan rakan-rakan atas dorongan dan nasihat yang diberikan.

Akhir kata semoga kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan.

Sekian,

SITI MARDZIAH BINTI ABDULLAH@NURITA UGING
Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial
Universiti Malaysia Sabah
Kota Kinabalu.



ABSTRAK

BEBAN TUGAS GURU TINGKATAN DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH TUARAN.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat apakah tugas yang membebankan guru-guru tingkatan di sekolah menengah Daerah Tuaran. Seramai 138 guru-guru daripada 5 buah sekolah menengah telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kaedah kajian adalah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Penganalisan data dilakukan dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi seperti mencari kekerapan, peratusan, min, ujian-t dan Ujian ANOVA Satu-Hala. Ujian-t digunakan untuk mengenal pasti perbezaan min beban tugas guru berdasarkan kategori perkhidmatan dan status perkahwinan manakala ANOVA Satu-Hala digunakan untuk mencari perbezaan min beban tugas guru berdasarkan bilangan murid dan pengalaman mengajar. Dapatan kajian menunjukkan beban tugas bukan mengajar adalah ($\text{min}=3.34$). Ujian-menunjukkan [$t(136)=-.35, p>.05$]. Oleh itu hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan beban tugas berdasarkan kategori perkhidmatan diterima. Sementara perbezaan beban tugas berdasarkan kategori perkahwinan ditolak [$t(136)=-2.83, p<.05$]. ANOVA bagi beban tugas berdasarkan bilangan murid dan pengalaman mengajar diterima.



ABSTRACT**SECONDARY FORM TEACHERS WORK LOAD IN TUARAN DISTRICT.**

The main aim of this study is to survey the work load secondary forms teacher in Tuaran District. This study involved 138 respondents from 5 secondary schools. Survey methodology was used by distributing questionnaire. For the purpose of analyzing the data, descriptive and inferential statistics were used such as percentages, frequency, mean, t-test and One-way ANOVA. T-test used to determine the significant work load base on service category and martial status. One-way ANOVA was used to determine the significant differences work load base on number of student in school and teaching experience. Study showed that work load non teaching was (mean 3.34). T-test showed that there were no significant differences work load base on service category [t (136)=-.35, $p>.05$] but work load base on martial status was rejected [t (136)=-2.38, $p<.05$]. ANOVA test showed that there were no significant differences work load base on the number of student and teaching experience



PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SINGKATAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii-ix
SENARAI JADUAL	X
SENARAI RAJAH	Xi

muka surat

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	8
1.3	Persoalan Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Hipotesis Kajian	10
1.6	Skop Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Definisi Operasional	12
	1.8.1 Tugas	12
	1.8.2 Beban Tugas	12

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	14
2.2	Definisi Konseptual	16
	2.2.1 Beban Tugas Profesional	15
	2.2.2 Tugas Bukan Mengajar	19
	2.2.3 Tugas Praprofesional	20
2.3	Teori Pengurusan	22
	2.3.1 Teori Pengurusan Taylor	23
	2.3.1.1 Prinsip Kaji Masa	23
	2.3.1.2 Prinsip Kaedah Saintif Dalam Kerja	24
	2.3.1.3 Prinsip Gaji Berdasarkan Kerja	25
	2.3.1.4 Prinsip Pemisahan Perancangan Daripada Kerja	25



2.3.1.5 Prinsip Kawalan Pengurusan	26
2.3.1.6 Prinsip Pengurusan Berfungsi	26
2.3.2 Teori Pengurusan Fayol	27
2.3.2.1 Prinsip Pembahagian Tugas	28
2.3.2.2 Prinsip Kuasa Dan Tanggungjawab	27
2.3.2.3 Prinsip Disiplin	29
2.3.2.4 Prinsip Kestabilan Tempoh Karya	30
2.3.2.5 Prinsip Kesatuan Perintah	30
2.3.2.6 Prinsip Pemusatan Kuasa	31
2.3.2.7 Prinsip Susunan	31
2.3.2.8 Prinsip Ganjaran Terhadap Kerja	32
2.3.2.9 Prinsip Rantaian Skalar	32
2.3.2.10 Prinsip Persamaan	33
2.3.2.11 Prinsip Espirit De Corps	33
2.3.2.12 Prinsip Inisiatif	33
2.3.2.13 Persatuan Arahan	34
2.3.2.14 Prinsip Antara Kepentingan Individu dan Kepentingan Umum	34
2.3.2.15 Prinsip Kestabilan Tempoh Kerja	35
2.3.3 Model Birokrasi Max Wiber	35
2.3.3.1 Pengkhususan Kerja	36
2.3.3.2 Hierarki Autoriti	37
2.3.3.3 Kriteria Pemilihan Dan Kenaikan Pangkat	38
2.3.3.4 Pemilihan Terpisah	38
2.3.3.5 Kerjaya	38
2.3.3.6 Sistem Peraturan	39
2.3.3.7 Dokumen Bertulis	40
2.3.4 Teori Organisasi Chester Barnard	41
2.3.4.1 Objektif Keberkesanan	41
2.3.4.2 Organisasi Kelicinan	43
2.4 Kajian Lepas Dalam Negeri	44



2.5	Kajian Lepas Luar Negeri	48
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	53
2.7	Konseptual Beban Tugas Guru	53
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	54
3.2	Kaedah Kajian	54
3.3	Populasi dan Persampelan	56
3.4	Lokasi Kajian	57
3.5	Instrumen Kajian	57
3.6	Kajian Rintis	61
3.7	Prosedur Pemungutan Data	62
3.8	Cara Menganalisis Data	63
	3.8.1 Frekuensi, Peratus dan Min	64
	3.8.2 Ujian-t	64
	3.8.3 ANOVA	64
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	66
4.2	Latar Belakang Responden	66
4.3	Beban Tugas Dalam Kalangan Guru Tingkatan	68
4.4	Perbezaan Min Beban Tugas Guru Berdasarkan Kategori Perkhidmatan	71
4.5	Perbezaan Min Beban Tugas Guru Berdasarkan Status Perkahwinan	73
4.6	Perbezaan Min Beban Tugas Guru Berdasarkan Bilangan Murid Sekolah	74
4.7	Perbezaan Min Beban Tugas Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	76
4.8	Kesimpulan	78
BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.1	Pendahuluan	79
5.2	Bebanan Tugas Dalam Kalangan Guru-Guru Tingkatan	79



5.3	Perbezaan Beban Tugas Berdasarkan Kategori Perkhidmatan	81
5.4	Perbezaan Beban Tugas Berdasarkan Status Perkahwinan	81
5.5	Perbezaan Beban Tugas Berdasarkan Bilangan Murid	82
5.6	Perbezaan Beban Tugas Berdasarkan Pengalaman Mengajar	82
5.7	Cadangan	83
5.8	Cadangan Penyelidikan Masa Akan Datang	83
	BIBLIOGRAFI	84
	LAMPIRAN	
	Borang Soal Selidik	91
	Lampiran	95

Nota: Lampiran B-N merupakan hasil analisis yang dicetak daripada SPSS 10.0.



SENARAI JADUAL

	Tajuk	Mukasurat
Jadual 3.1	Jumlah Populasi dan Persampelan Mengikut Sekolah	56
Jadual 3.2	Pernyataan dan Nombor Item	58
Jadual 3.3	Perkadaran Persetujuan Responden	60
Jadual 3.4	Jadual Untuk Menentukan Tahap Bebanan	61
Jadual 3.5	Keputusan Analisis Kajian Rintis Kebolehpercayaan Beban Tugas	62
Jadual 3.6	Prosedur Pengumpulan Data	63
Jadual 4.1	Taburan Responden Berdasarkan Kategori Perkhidmatan	66
Jadual 4.2	Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	67
Jadual 4.3	Taburan Responden Berdasarkan Bilangan Murid	67
Jadual 4.4	Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	68
Jadual 4.5	Min Beban Tugas Guru Tingkatan	68
Jadual 4.6	Min Beban Tugas Profesional Mengikut Item	69
Jadual 4.7	Min Beban Tugas Bukan Mengajar Mengikut Item	70
Jadual 4.8	Min Beban Tugas Praprofesional Mengikut Item	71
Jadual 4.9	Min Beban Tugas Mengikut Kategori Perkhidmatan	72
Jadual 4.10	Perbezaan Min Beban Tugas Guru Berdasarkan Kategori Perkhidmatan	72
Jadual 4.11	Min Beban Tugas Berdasarkan Status Perkahwinan	73
Jadual 4.12	Perbezaan Min Beban Tugas Berdasarkan Status Perkahwinan	74
Jadual 4.13	Perbezaan Min Beban Tugas Berdasarkan Bilangan Murid Sekolah	75
Jadual 4.14	ANOVA Satu Hala Perbezaan Min Beban Tugas Berdasarkan Bilangan Murid Sekolah	76
Jadual 4.15	Perbezaan Min Beban Tugas Berdasarkan Pengalaman Mengajar	77
Jadual 4.16	ANOVA Satu Hala Perbezaan Min Beban Tugas Berdasarkan Pengalaman Mengajar	78



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menurut Aristotle tujuan pendidikan ialah memberikan setiap warganegara segala peluang untuk mencapai kebahagiaan hidupnya. Proses pendidikan dapat melatih warganegara mematuhi peraturan-peraturan dan tingkah laku yang baik dan cekap dalam pengurusan mentadbir serta keupayaan mempertahankan kedaulatan negara.

Dalam Piagam Pelanggan Kementerian Pelajaran Malaysia menyatakan dengan tegas bahawa salah satu usaha murninya adalah ingin meningkatkan kegemilangan dan martabat profesion keguruan untuk menarik individu-individu yang terbaik menyertai perkhidmatan pendidikan (KPM, 2001).

Individu-individu terbaik yang dimaksudkan itu ialah dalam kalangan guru-guru. Guru-guru memikul satu tanggungjawab untuk merealisasikan tujuan pendidikan. Antara matlamat pendidikan di Malaysia ialah untuk melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu, melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketrampilan dan sejahtera, menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara dan, memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara (KPM,2001).

Fokus perbincangan dalam kajian ini menyentuh matlamat menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara iaitu dalam kalangan guru-guru. Guru-guru mempunyai satu tanggungjawab yang besar ke arah merealisasikan matlamat pendidikan di Malaysia.



Perubahan sistem pendidikan di Malaysia semakin pesat, khasnya pelaksanaan reformasi pendidikan dalam dekad 80-an dengan memperkenalkan program Kurikulum baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Program ini memerlukan guru mereformasikan diri ke arah pandangan, sikap dan daya usaha bagi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar yang canggih, mempertingkatkan keupayaan dan prestasinya dalam bidang kerja yang kian mencabar. Ekoran daripada reformasi pendidikan yang dilancarkan, tugas dan kerja guru hari ini tidak sama seperti masa dahulu (Tuan Mohd Fadlan, 2006).

Pada masa dahulu menurut Atan Long (1984) seseorang guru itu mempunyai dua tugas yang penting. Tugasnya yang pertama ialah sebagai seorang ahli profesion perguruan bagi memberikan pendidikan formal kepada murid-murid di bangku sekolah, tetapi sebagai seorang ahli masyarakat dia mempunyai tugas yang kedua, iaitu tugas kemasyarakatannya. Bagi negara yang telah maju, tugas dan peranan guru tertumpu sebahagian besarnya kepada tugas yang pertama, iaitu sebagai ahli profesional, sedangkan tugas kedua hanyalah sebagai seorang ahli masyarakat biasa.

Pada hari ini, menurut Omardin (1998) bidang tugas guru amat meluas dan merangkumi pelbagai aspek, bukan sahaja berbentuk pengajaran dan pembelajaran malah guru juga terlibat dalam pelbagai bentuk pengurusan. Mereka juga terlibat dalam pelbagai bentuk pengurusan disiplin, bimbingan dan kaunseling, sukan dan permainan, persatuan dan kelab, bilik darjah, surat-menyurat, kewangan dan sebagainya. Justeru itu, tugas guru pada masa kini amatlah mencabar memerlukan kemahiran, pengalaman serta ketahanan mental yang jitu untuk memenuhi tuntutan tugas penting yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan berkaitan hal ehwal pendidikan.



Guru pada era globalisasi ini, mempunyai tugas yang rencam dan memerlukan kecekapan yang tinggi untuk menangani sebarang masalah yang berkaitan dengan hal ehwal pengurusan pendidikan.

Zaidatul Akmaliah (2003) berpendapat bahawa pendidikan merupakan sektor penting bagi pembangunan sesebuah negara. Malah perkembangan sektor ekonomi, sosial dan politik dikatakan bergantung kepada perkembangan sektor pendidikan. Menurut beliau lagi, pendidikan digunakan bagi mengembangkan fahaman demokrasi, mengukuhkan perpaduan serta menyediakan sumber manusia dan tenaga kerja. Pendidikan digunakan sebagai alat penyusunan semula masyarakat dan pembasmaian kemiskinan. Kepentingan pendidikan bagi sesebuah negara terbukti dengan jumlah peruntukan pembangunan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sebanyak RM 17.894 bilion bagi melaksanakan Rancangan Malaysia ke-8 dalam tempoh lima tahun (2001 -2005) (KPM, 2001). Peruntukan yang besar ini merupakan bukti bahawa pendidikan di negara kita amat dititik beratkan demi pembangunan insan secara menyeluruh. Sejarar dengan kepentingan tugas guru dalam sistem pendidikan di Malaysia masa kini, guru adalah insan yang paling bertanggungjawab dalam proses pendidikan anak-anak di sekolah, manakala ibu bapa dan keluarga hanya memainkan peranan sampingan dalam aktiviti pembelajaran anak-anak mereka (Elizabeth, 2004).

Pada dasarnya terdapat sekurang-kurangnya empat unsur penting yang melingkungi persekitaran pembelajaran seorang pelajar khususnya. Unsur-unsur tersebut ialah pelajar itu sendiri, keluarga (ibu bapa), guru dan rakan-rakan sebaya (Abdul Aziz, 2000). Menyedari hakikat ini, guru sebenarnya telah dibebankan dengan satu tugas yang memerlukan komitmen yang tinggi dan tidak berbelah bahagi.



Menurut Mok Soon Sang (2003) kaum guru merupakan anggota sekolah yang melibatkan diri secara langsung dalam pelaksanaan kurikulum dan program pendidikan di sekolah. Peranan yang dimainkan oleh seseorang guru dalam sebuah sekolah tidak kurang pentingnya, malah amat penting dari segi pencapaian aspirasi dan matlamat sekolah. Antara peranan guru ialah sebagai pengajar, pembimbing, pengurus bilik darjah, ibu bapa kepada murid, pendisiplin, 'model hidup' penasihat aktiviti kokurikulum, pemeriksa dan penilai buku kerja dan kertas ujian, kerani, pembantu pentadbir sekolah dan, sebagai pegawai perhubungan di antara guru besar dengan murid, serta antara pihak sekolah dengan ibu bapa.

Menurut Mok Soon Sang (2003) guru adalah '*model hidup*' kepada pelajarannya. Pepatah Melayu telah mengungkapkan tentang hal ini dengan satu ungkapan yang sinis iaitu, '*kalau guru kencing berdiri ,maka murid pula kencing berlari*'. Pepatah ini membuktikan bahawa guru amat erat hubungannya dengan murid sehingga semua perlakuan guru akan dicontohi oleh pelajarannya. Guru bertanggungjawab untuk menerapkan nilai menjaga diri sendiri kepada pelajar dan tidak bersikap terlalu bergantung kepada ibu bapa atau pun orang dewasa lain secara keterlaluan. Pendidikan seumpama ini, perlu disemaikan kepada pelajar kerana suatu hari nanti mereka akan menghadapi segala rintangan hidup secara individu. Pelajar harus diajar untuk lebih berani menghadapi segala cabaran yang datang.

Tidak dapat dinafikan peri pentingnya ilmu pengetahuan dan kemahiran asas yang terkandung dalam sukatan pelajaran untuk diajarkan oleh guru sebagai insan yang diberi amanah mendidik anak bangsa dengan pelbagai ilmu pengetahuan kepada semua pelajar. Antara tujuan umum pendidikan adalah memberikan keyakinan sebagai persediaan untuk perkahwinan dan hidup



berkeluarga setelah tamat pengajian dan memulakan kerjayanya di pasaran pekerjaan. Segala pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di sekolah diharapkan dapat memberi kesedaran kepada pelajar supaya berpeluang memilih pekerjaan untuk kepuasan diri dan rohani masing-masing. Seandainya guru berjaya menyampaikan hasrat dan wawasan negara, ini merupakan kejayaan sejati seorang guru kerana telah berjaya menyempurnakan tanggungjawabnya mendidik insan yang digelar pelajar.

Di samping tugas guru untuk mengajar dan membimbing pelajar, mereka juga dilatih agar bijak dan berhemah untuk membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek sesuai dengan hasrat visi dan misi Kementerian Pelajaran sebagaimana yang digambarkan dalam falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM,2001) iaitu;

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warga negara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakapan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara".

Menurut Ann Edworthy (2000) beban berlebihan berlaku apabila kualiti kerja yang ditunjukkan tidak seperti yang diharapkan. Biasanya jika beban berlebihan keyakinan diri seseorang pekerja itu akan turun. Perkara ini juga akan menjejaskan prestasi guru secara keseluruhannya.

Di samping itu, pengetua sebagai pengurus di sekolah memerlukan bantuan daripada guru-guru untuk mengenal pasti perkara-perkara yang perlu dibaiki dan bagaimana sepatutnya dibaiki. Apabila wujud perundingan di antara pengetua dan guru-guru sudah tentulah guru-guru lebih bersedia untuk



memperbaiki sebarang kepincangan dalam pengagihan beban tugas.

Oleh yang demikian, guru mempunyai pelbagai tugas baru bagi melancarkan pengurusan organisasi dan fungsi-fungsi penting sekolah. Penyelidik membincangkan dimensi beban tugas guru iaitu beban tugas profesional, beban tugas bukan mengajar, dan beban tugas praprofesional. Di samping tugas profesional, di kalangan guru juga mempunyai tugas bukan profesional iaitu tugas yang tidak ada kaitan langsung dengan pengajaran dan pembelajaran, kebajikan pelajar, mahupun dengan profesion perguruan.

Antara tugas bukan mengajar termasuklah menyimpan dan mengemaskini perangkaan sekolah. Biasanya guru-guru yang melakukan tugas ini dikatakan melakukan tugas-tugas khas di sekolah. Tujuan perangkaan ini dilakukan adalah untuk memudahkan pihak sekolah memberikan data yang tepat dan lengkap untuk dihantar ke Pejabat Pendidikan Daerah, Bahagian dan Jabatan Pelajaran Negeri pada bila-bila masa diperlukan. Perangkaan yang diperlukan seperti statistik jumlah guru, pelajar, kakitangan dan keputusan-keputusan peperiksaan seperti PMR, SPM dan STPM.

Malahan data-data disiplin pelajar juga perlu dikemaskini dari semasa ke semasa untuk dihantar ke Jabatan Pelajaran Negeri. Pihak sekolah juga akan mempamerkan semua perangkaan ini di Bilik Gerakan sekolah masing-masing, oleh itu pihak sekolah memerlukan tenaga khas di kalangan guru untuk mengelolakannya.

Jika kerani kewangan bercuti panjang, contohnya cuti bersalin (pembantu tadbir perempuan), maka pengetua juga terpaksa meminta bantuan di kalangan guru yang berkemahiran berkenaan akaun untuk menjalankan tugas menyemak akaun sekolah. Biasanya guru prinsip akaun atau guru perdaganganlah yang menjadi keutamaan pengetua. Tugas-tugas sebagai juruaudit dalaman sekolah



untuk mengaudit akaun sekolah, akaun koperasi atau akaun-akaun persatuan di sekolah memanglah bukan tugas profesional tetapi kerana keadaan memaksa, maka guru-guru juga dibebankan dengan tugas sedemikian.

Menurut Abdul Rahim dan rakan-rakan (1992) walaupun banyak tugas yang perlu dijalankan oleh seorang guru, namun pada asasnya tugas penting seseorang guru ialah melaksanakan pengajaran secara khusus dan kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang pendidikan secara keseluruhan. Walau bagaimanapun masih menegaskan bahawa tugas pengajaran yang meliputi tugas membimbing itu boleh dilakukan sewaktu kegiatan kurikulum dan aktiviti kokurikulum. Manakala tugas-tugas pengurusan pula bukan hanya melibatkan pentadbiran semata-mata, malah mempunyai pertalian rapat dengan tanggungjawab mengajar atau sekurang-kurangnya membimbing.

Secara ringkasnya, tugas guru boleh ditinjau dengan membahagikan mengikut perspektif fizikal iaitu dengan membahagikan tugas guru kepada tugas dalam darjah dan tugas di luar bilik darjah. Tugas di dalam bilik darjah termasuk dalam kategori "tugas kurikulum" iaitu berkaitan pengajaran, penilaian, bimbingan, panduan manakala sebahagian besar tugas di luar bilik darjah adalah berkenaan dengan kegiatan kokurikulum.

Di sekolah-sekolah, selalunya masalah utama yang sering ditimbulkan oleh seseorang guru ialah dari aspek perancangan dan penyediaan iaitu kekurangan masa kerana banyak tugas yang dijalankan oleh seseorang guru. Walaupun tugas utama guru di sekolah ialah mengajar, namun guru-guru juga menjalankan tugas bukan mengajar dan bidang tugasnya pula terlalu luas. Biasanya pihak sekolah akan cuba membahagikan tugas itu secara sama rata.

Beberapa tugas bukan mengajar yang biasanya dilaksanakan oleh guru seperti menjadi guru bertugas mingguan yang dilakukan lebih kurang dua kali



dalam satu penggal jika bilangan guru sedikit dan dua kali setahun jika bilangan gurunya ramai. Guru bertugas mingguan juga mempunyai tugas yang begitu rencam sehingga menjejaskan ketepatan masa guru berkenaan untuk masuk ke kelas untuk mengajar. Contoh jika ada pelajar sakit, bergaduh atau ibu bapa datang untuk membuat urusan rasmi dengan pihak sekolah.

Hasil kajian Abdul Rahim dan rakan-rakan (1992) juga mendapati bahawa di antara tugas bukan mengajar yang memerlukan masa guru ialah seperti menjadi guru penasihat persatuan, pasukan permainan dan pakaian seragam. Begitu juga dengan guru kelas yang dilambakkan dengan tugas-tugas perkeranian sepanjang tahun, lebih membebankan lagi jika guru diberikan tugas sebagai penyelaras kokurikulum, Setiausaha Sukan, Penyelaras Skim Pinjaman Buku Teks, Penyelaras peperiksaan dalaman dan awam, guru penasihat pengawas sekolah, penyelia pusat sumber, guru kantin sekolah, penyelia pekerja, guru disiplin dan warden asrama bagi sekolah yang berasrama.

Dimensi beban tugas guru dari segi praprofesional misalnya ialah mewakili sekolah dalam acara-acara anjuran Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan pelajaran Negeri atau acara rasmi anjuran negara seperti sambutan ulang tahun 'Hari Kemerdekaan' negara.

1.2 Pernyataan Masalah

Profesion keguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Tenaga pengajar dan pengurus pendidikan seharusnya peka dengan perkembangan terkini dalam proses kepemimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber dan pencapaian matlamat pendidikan (Ibrahim Ahmad Barjunid, 1995).



Menurut Abdul Shukor (1996) tidak dapat dinafikan bahawa ada yang melihat sekolah sebagai sebuah organisasi yang dihujani dengan pelbagai bebanan tugas dan ada kalanya tugas ini bukan satu yang terancang tetapi muncul dari situasi yang tidak diduga.

Berdasarkan kenyataan di atas maka penyelidik merasa terpanggil untuk mengkaji beban tugas yang paling membebankan dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Tuaran dan mengenal pasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas berdasarkan kategori perkhidmatan, status perkahwinan, bilangan pelajar, dan pengalaman mengajar dalam kalangan guru-guru tingkatan sekolah menengah di daerah Tuaran.

1.3 Soalan Kajian

Berdasarkan beberapa permasalahan yang ada di kalangan guru-guru tingkatan pada masa kini, berikut dikemukakan beberapa persoalan kajian:

- i. Apakah beban tugas yang membebankan dalam kalangan guru-guru tingkatan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas guru tingkatan berdasarkan kategori perkhidmatan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas guru tingkatan berdasarkan status perkahwinan?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas guru tingkatan berdasarkan bilangan murid?
- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas tingkatan berdasarkan pengalaman mengajar?



1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai dua tujuan iaitu untuk melihat apakah tugas yang paling membebankan dalam kalangan guru-guru tingkatan sekolah menengah di daerah Tuaran. Kedua ialah ingin melihat adakah terdapat perbezaan beban tugas guru-guru tingkatan berdasarkan kategori perkhidmatan, status perkahwinan, bilangan murid, dan pengalaman mengajar. Untuk mencapai tujuan ini, kajian ini mengemukakan beberapa objektif kajian seperti berikut:

- i. Mengetahui beban tugas yang membebankan dalam kalangan guru-guru tingkatan di daerah Tuaran.
- ii. Mengetahui tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam kalangan guru tingkatan berdasarkan kategori perkhidmatan.
- iii. Mengetahui tidak wujud perbezaan tugas yang signifikan dalam kalangan guru tingkatan berdasarkan status perkahwinan.
- iv. Mengetahui tidak wujud perbezaan yang signifikan beban tugas dalam kalangan guru tingkatan berdasarkan bilangan murid.
- v. Mengetahui tidak wujud terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas dalam kalangan guru tingkatan berdasarkan pengalaman mengajar.

1.4 Hipotesis kajian

Beberapa hipotesis dibina sebagai jawapan sementara kepada beberapa persoalan kajian tersebut. Kesemua pernyataan hipotesis adalah berbentuk hipotesis nol. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- H₀1:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan beban tugas guru berdasarkan kategori perkhidmatan.
- H₀ 2:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan beban tugas guru berdasarkan status perkahwinan.
- H₀ 3:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan beban tugas guru berdasarkan bilangan murid.
- H₀ 4:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan beban tugas guru berdasarkan pengalaman mengajar.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah di luar bandar di daerah Tuaran, Sabah. Lima buah sekolah yang terlibat dalam kajian ini ialah SMK. Badin, SMK. Pekan Telipok, SMK Sri Nangka, SMK. Tun Fuad Stephens, Kiulu, dan SM. St. John. Kajian ini hanya terhad kepada lima buah sekolah kerana terdapat hanya lima buah sahaja sekolah menengah di daerah Tuaran pada masa ini. Responden kajian ini ialah di kalangan guru-guru dan pengumpulan data terhad kepada beberapa perkara seperti berikut;

- i. Maklumat diri responden / latar belakang
- ii. Beban Tugas Profesional
- iii. Beban Tugas Bukan mengajar
- iv. Beban Tugas Praprofesional

1.7 Kepentingan kajian

- i. Belum terdapat sebarang kajian seumpama ini yang dijalankan di daerah Tuaran. Kajian ini diharap dapat membantu Pejabat Pelajaran Daerah Tuaran



untuk meninjau tentang masalah bebanan tugas guru mengikut, kategori perkhidmatan, taraf perkahwinan, bilangan pelajar di dalam sesebuah sekolah dan pengalaman mengajar.

- ii. Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada pengetua-pengetua di sekolah menengah daerah Tuaran agar dapat mengagihkan bebanan tugas kepada guru-guru sesuai dengan kategori perkhidmatan, status perkahwinan, bilangan murid dan pengalaman mengajar guru.
- iii. Dapatan kajian diharapkan dapat membantu memberikan maklumat dalam usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membuat penyelidikan berkenaan dengan beban tugas guru pada masa kini.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Tugas: Dalam buku *'Human Resources Management'*

tugas didefinisikan sebagai

".... As an activity which is directed by others as regards purpose, methods, materialistic and apace. Its usual aim to contribute towards the production of goods and services. In contrast to leisure, which is primarily concerned with the satisfaction of one's own needs, work is concerned with things that others require and are willing to pay for "

(H.T. Graham & R. Bennett , 1995)

Dalam kajian ini, tugas guru lebih menumpukan kepada perkhidmatan berbayar iaitu guru mengajar di sekolah dan dibayar gajinya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.



BIBLIOGRAFI

Buku

- A.V. Kelly. 1999. *The Curriculum Theory & Practice*. (4th Edition). London: Paul Chapman Publishing Limited.
- Ab. Aziz Yusof. 2003. *Perubahan dan Kepimpinan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Fatah Abdul Malik & Mohd. Majid Konting 1999. *Memahami Penyelidikan Pendidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Diterjemahkan dari "Understanding Educational Research: An Introduction." Edisi keempat. Deobold P. Van Dalen. 1979.
- Abdul Rahim Abdul Rashid *et al.* 1992. *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim Abdul Rashid. 1999. *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Razak Ibrahim & Ainin Sulaiman. 2000 . *Gelagat Organisasi* (Edisi kelapan). Universiti Malaya: Prentice Hall. Diterjemahkan dari "Organizational Behavior". Stephen P. Robbins 1998.
- Abu bakar Nordin. 1991. *Kokurikulum : Perspektif dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ahmad Shukri Mohd. Nain. 2002. *Tingkah laku Organisasi: Pengenalan Tingkah laku Individu*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan. 2003. *Guru sebagai Pendorong Dalam Darjah*. Kuala Lumpur : PTS Publications & Distributors.
- AL. Ramaiah 1999. *Kepimpinan Pendidikan Cabaran Masa Kini*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Aminuddin Mohd. Yusof. 1990. *Kepimpinan*. Hulu Kelang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ann Edworthy. 2000. *Managing Stress* . Philadelphia: Open University Press.
- Ary,P. & Jacob. L. 1990. *Introduction to Research in Education*. (Edisi Ketiga). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Atan Long. 1984. *Pendidik dan Pendidikan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.



- Bahariah Yusuf. 1999. *Pengurusan Peringkat Pertengahan di Sekolah: Bagaimana menyelaraskan untuk sekolah yang efektif*. Diterjemah dari "Middle Management in Schools – How to Harmonise Managing and Teaching for an Effective School, terbitan Financial Times, Pitman Publishing 128 Long Acre London WC2E 9An.
- Borich, G. 2000. *Effective Teaching Methods* (4 th edition). New Jersey : Prentice Hall.
- David. D. Dill & Associates. 1990. *What Teacher need to know: The Knowledge,skills as Values Essential to Good Teaching*. San Francisco: Jossey- Bass Publisher.
- Hall, V., Cromey-Hawke, N & Oldroyd, D. Management Self-development: A Distance Learning Programme, Bristol: NDCEMP.
- Hargreaves,A. 1994. *Changing Teachers, Changing Times: Work and Culture in The Post Modern Age*. Cassell: New York Teachers College Press.
- Jeanne, H. Ballantine. 1983. *The Sociology of Education A Systematic Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Jerald Greebberg & Robert A. Baron. 2000. *Behavior in Organizations: Understanding and Managing the Human Side of Work*. New Jersey: Prentice Hall.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. 2003. *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kimbrough R. B. dan Nunnery M.Y. 1983. *Educational Administration:An Introduction* (Edisi Kedua). New York: MacMillan Publishing.
- Klette. 2000. *International Perspectives in Changing Times*. London: Falmer.
Kuala Lumpur: Maju Daya Cipta : 1994.
- Laudon,K.C & Laudon,J.P. 2000. *Management Information Systems: Organization and Technology in the Networked Enterprise*. Ed. keenam.New Jersey: Prentice Hall.
- Mohd. Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Salleh Lebar. 1998. *Pengenalan Ringkas Sekolah dan Pendidikan*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. 2002. *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.



- Mok Soon Sang. 2003. *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI (Kursus Perguruan Lulusan Ijazah)* Edisi kedua. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Narimah Ismail (Dr) & Saodah Wok (Dr). 2002. *Kursus Komunikasi Organisasi*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Phillip Hughes. 1991. *Teacher's Profesional Development*. Australia: Acer. Phillida Salmon. 1995. *Psychology In the Classroom: Reconstructing Teachers and Learners* (5th Edition). Cassell: Wellington House.
- Robert W. Maloy & Irving Seidman 1999. *The Essential Career Guide to Becoming a Middle and High School Teacher*. Wesport : Bergin & Garvey.
- Rohana Yusuf, 2003. *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Sharifah Md. Nor. 2000. *Keberkesanan Sekolah: Satu Perspektif Sosiologi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sonia Blandford. 1999. *Pengurusan Peringkat Pertengahan di Sekolah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Sulaiman Masri. 2003. *Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Syaharom Abdullah. 1990. *Panduan Amali untuk Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Diterjemah dari " A Practical Guide to Educational Research". Cates, W.M. 1985
- Syed Arabi 1998. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sykes, G. 1990. "*Fostering teacher professionalism in schools*" in *ELMORE*. R.F. (Ed.) *Restructring Schools: The next generation of Educational Reform*. San Francisco: Jossey Bass.
- Tuan Mohd Fadlan Tuan Jaafar (2006). *Kerjaya Sebagai Guru*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Wan Azmi Ramli. 1993. *Dasar Awam di Malaysia: Jilid 1*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wan Azmi Ramli. 1994. *Pengurusan Masa Kini* (Edisi keempat). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.



- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Foo Say Fooi. 2003. *Pengurusan Pendidikan: Satu langkah ke hadapan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie. 2000. *Pentadbiran Pendidikan*. Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Tesis/Disertasi

- Elizabeth Binti Ebin. 2004. *Persepsi Guru Terhadap Perkongsian Sekolah dan Keluarga Dalam Meningkatkan Pendidikan Anak-anak: Satu kajian di Daerah Tuaran*. Tesis Sarjana. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah
- Kamariah Bte Zainuddin. 1995. *Beban Tugas dan Masalah Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid) Sekolah menengah negeri Selangor*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Lee Siok Yen. 1992. *Keberkesanan Faktor Gaji dan Kualiti Pengurusan Sebagai Motivasi untuk Meningkatkan Produktiviti*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rasilan Johnny @ Roslan. 2004. *Hubungan Antara tekanan Kerja dengan Beban Tugas Guru di Sebuah Sekolah Menengah di Daerah Ranau, Sabah*. Tesis Sarjana. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Zubaidah Aman. 1999. *Burnout di Kalangan Guru: Perkaitannya dengan faktor- faktor Latar Belakang, Tekanan Kerja, Kekaburan Peranan dan Sokongan Sosial*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jurnal

- Ball, S. & Bowe, R. 1992. "Subject Departments and The Implementation of The National Curriculum." *Journal of curriculum studies*, **24**: 97-116.
- Bartlett, L. (2001). A question of fit: Conceptions of teacher role and conditions of teacher commitment. *Unpublished PhD dissertation*, Berkeley: University of California.
- Bartlett, L. (2004). Expanding teacher work roles: A resource for retention or a recipe for overwork?. *Journal of Education Policy*. **19 (5)**: 565-582.



- Boyle G. J., Borg, M. G., Falzon, J.M., & Baglioni. A. J. Jr. 1995. " A Structural Model of The Dimensions of Teacher of Teacher stress". *British Journal of Edicational Psychology*. **63**: 271-286.
- Bullough, R. V., Jr. 2005. *Teacher Vulnerability and teach-ability: A case study of a mentor and two interns*. *Teacher Education Quarterly*. **32 (2)**: 23 – 40.
- Ibrahim Ahmad Barjunid. 1995. "Peningkatan Pelbagai Jenis Literasi khususnya Literasi Saintifik dan Teknikal: Ke arah Pemantapan Martabat kepimpinan yang Unggul". *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. **4(2)**: 1-9.
- Rowan, B,. 1994. "Comparing Teacher's Work with Work in other Occupations: Notes on The Professional Status of Teaching. *Educational Researcher*. **23(6)**:4-17.

Majalah

- Abdul Malik Abdul Rahman. 2000. *Manusia dan Stress*. Buletin Akademik. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 (10 – 11).
- Pendidik. 2005. *Bersama KPPM, Dato' Dr. Haji Ahamad Bin Sipon*. *Pendidik* (13). Hal 6-9.

Suratkhobar

- Amlia Mohd. Salleh. 1994. "*Beban Kerja Halang kemampuan Guru*". *Berita Harian*. Kuala Lumpur: New Straits Times: hal.19.
- Syuhada Choo Abdullah. 2004. "*Longgar Syarat jadi guru: syor bagi membolehkan lebih ramai lelaki sertai profesion*". *Berita Harian*, Isnin/Mei: hal. 8.
- Salleh Yusuf. 1990. "*Beban Kerja Halang Kemampuan Guru*". *Berita Harian*. Kuala Lumpur: New Straits Times. Hal. 19.

Pekeliling

- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1999. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999: *Penyediaan Rekog Pengajaran Dan Pembelajaran*.
- Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam semua pindaan hingga Mei 1994.



Akta Pendidikan. 1996. *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-peraturan Terpilih (Hingga 25 Mei, 2005)*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Persatuan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Malaysia Cawangan Selangor. 1994. *Panduan Tugas Staf Sekolah*. Selangor: Alpha Sigma Sdn. Bhd.

Kertas kerja

Abdul Shukor Abdullah (dato' Dr). 1996. "Penilaian Semula Situasi Pengurusan Sekolah". Kertas kerja anjuran Institut Aminuddin Baki. 14-16 November.

Ensiklopedia

H.T. Graham & R. Benett 1995. *M+E Business Handbook Human Resources Management*. (8th edition). London: The M + E handbook Series. hal. 6-9.

Laman Web/E-mel

Sumila Marto. 1997. *Faktor-faktor kekangan Penggunaan Media Elektronik di kalangan guru pelatih. Unit Teknologi Maklumat MPTI* (atas talian) <http://www2.moe.gov.my/bpg/jrmpti982.htm>.

